


Syor golongan ekspatriat Islam berintegrasi dengan warga di sini

Oleh SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

CENDEKIAWAN Islam terkenal dari Amerika Syarikat yang gigih memperjuangkan usaha memperbaiki hubungan antara dunia Barat dengan Islam, Imam Feisal Abdul Rauf, mengajak masyarakat ekspatriat Islam di Singapura serta pendatang Islam baru ke negara ini agar berintegrasi “di atas bumi yang dipijak”.

Katanya, golongan ekspatriat dan karyawan



IMAM FEISAL: Cendekiawan Islam dari Amerika Syarikat ini percaya hubungan antara Islam dengan dunia Barat akan pulih semasa hayatnya dan beliau menggesa golongan ekspatriat, termasuk di Singapura, agar sama-sama menyuarakan tentang mesej keamanan dan toleransi Islam yang sebenar. – Foto TAUFIK A. KADER

baru itu juga mempunyai peranan menyuarakan pandangan mereka tentang mesej sebenar Islam, sekali gus mempertingkatkan hubungan antara masyarakat Islam dengan masyarakat lain.

“Golongan ekspatriat memiliki pendapatan dan keupayaan untuk menyiarkan idea mereka bagi mengisi kekosongan (maklumat) ini. Saya percaya mereka boleh melaksanakannya dan saya harap dapat melihat titik pusingan (ke arah lebih baik) dalam hubungan antara dunia Barat dengan Islam berlaku selagi saya masih hidup,” kata Imam Feisal, 65 tahun.

Ceramah dan sesi soal jawab beliau dengan lebih 100 ekspatriat dan karyawan Islam di Auditorium Ngee Ann Kongsi di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) kelmarin merupakan cera-

mah pertama anjuran Rangkaian Ekspatriat Islam (MEX), sebuah unit Angkatan Karyawan Islam (AMP), yang ditubuhkan tahun lalu.

Para hadirin menanyakan pelbagai soalan, kebanyakannya mengenai identiti Muslim dalam dunia global, serta hubungan dunia Barat dengan Islam.

Imam Feisal merupakan pengasas dan pengerusi Inisiatif Cordoba, sebuah badan silang nasional dan silang agama yang bertujuan menghapus sebarang rasa tidak percaya, salah faham dan takut tentang Islam.

Beliau peneraju di sebalik pembinaan projek Pusat Masyarakat Islam yang terletak berdekatan tapak Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York.

Projek itu bagaimanapun menerima tentangan daripada masyarakat umum Amerika dan telah dihentikan.

Ditemui selepas acara tersebut, Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, berkata dalam masa enam bulan hingga setahun akan datang, MEX akan mengambil bentuk yang berbeza.

Katanya, ceramah seperti yang diadakan itu hanya aktiviti sampingan, dan matlamat utama MEX ialah memanfaatkan kepakaran golongan ekspatriat dan pendatang baru Islam demi mempertingkatkan seluruh masyarakat Islam setempat.

“Kami sedang berusaha melahirkan sebuah perusahaan sosial, seperti Mercu, tapi memanfaatkan kepakaran golongan ekspatriat Islam ini. Saya sudah mengarahkan MEX memikirkannya dan membentangkan idea mereka dalam masa tiga hingga enam bulan mendatang,” katanya.

Mengalukan usaha AMP untuk mendekati masyarakat ekspatriat Islam, seorang jurutera dari Amerika kelahiran Mesir, Encik Hazem Eleskandarani, berkata sebuah pertubuhan yang fleksibel dalam memanfaatkan sumber-sumber yang ada adalah sebuah pertubuhan yang berjaya.

“Jika berpeluang, saya mahu turut menyumbang,” kata Encik Hazem, 48 tahun, yang mempunyai pengalaman tiga tahun bekerja di Singapura.